

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH
[SRI GADING]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH [SRI GADING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah polisi larangan merokok di tempat awam seperti di parlimen dan kedai makan masih dijalankan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Polisi larangan merokok di tempat awam seperti di Parlimen dan di tempat makan masih dikuatkuasakan sebagaimana Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004. Penguatkuasaan ini adalah selari dengan Artikel 8, *WHO Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC)* yang bertujuan melindungi orang awam daripada bahaya asap rokok dan produk merokok yang lain.
2. Sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), aktiviti merokok di kawasan larangan merokok dipantau melalui talian aduan *Whatsapp* Kementerian Kesihatan Malaysia. Bagi tahun 2021, sebanyak **1,817** aduan telah diterima bermula 1 Januari sehingga 31 Oktober dan telah dipanjangkan kepada Jabatan Kesihatan Negeri yang terlibat untuk tindakan lanjut.
3. Khusus bagi penguatkuasaan peraturan 11(1)(d) iaitu larangan merokok di tempat makan, sebanyak **168,891** premis makanan telah diperiksa dengan sejumlah **13,615** kompaun dikeluarkan bernilai **RM 3.4 juta** sepanjang tahun 2020.
4. Bagi tahun 2021, aktiviti penguatkuasaan larangan merokok turut dijalankan bersekali dengan aktiviti penguatkuasaan pematuhan SOP COVID-19. Sebanyak **67,203** bilangan premis telah diperiksa dengan sejumlah **6,290** kompaun dikeluarkan bernilai **RM 1.6 juta** bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Oktober 2021.
5. Bagi aktiviti penguatkuasaan larangan merokok di Parlimen, sebanyak **23** aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dilakukan dengan kerjasama pihak Jabatan Kesihatan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya bagi tahun 2021.

Sekian, terima kasih.